

08/09/1997

Baksa mahu minta bantuan pakar Russia

BAHAGIAN Kajian Sains Angkasa (Baksa), Jabatan Perdana Menteri (JPM), akan mendapatkan kepakaran teknologi Russia bagi menjalankan projek pembenihan hujan bertujuan mengatasi masalah jerebu di Lembah Klang.

Ketua Pengarahnya, Datuk Prof Dr Mazlan Othman, berkata beliau akan bertolak ke Russia Isnin ini bagi mengenal pasti dan mengumpul data terperinci mengenai teknik itu.

Beliau sudah mengadakan perbincangan kira-kira 20 minit dengan beberapa pegawai di kedutaan Russia, untuk melihat maklumat sesuai terutama mengenal pasti syarikat yang mempunyai kepakaran melaksanakan teknik itu.

Beliau berkata, maklumat lain yang turut diberi tumpuan ialah dari segi kos, aspek teknikal membabitkan saiz dan berat roket, ketinggian yang mampu ia bertindak dan jenis bahan kimia bagi memastikan teknik yang akan dilaksanakan itu benar-benar berkesan.

"Memandangkan Malaysia adalah negara pertama di rantau ini menggunakan teknik itu, kami perlu membuat analisis dan penelitian keberkesanan teknik mengatasi masalah jerebu yang melanda negara terutama di kawasan Lembah Klang," katanya.

Penggunaan roket kecil yang sekurang-kurangnya mampu menampung berat 1,000 liter air untuk mewujudkan pembenihan hujan bagi mengatasi masalah jerebu yang terus melanda negara sekarang dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berikutan itu, Baksa diarah untuk mengumpul maklumat berkaitan roket berkenaan dan keberkesanaan teknik itu untuk membentuk pembenihan hujan.

Cadangan menggunakan roket itu timbul bagi mengatasi masalah mendapatkan juruterbang bagi melaksanakan operasi itu kerana kebanyakannya tidak mahu menanggung risiko mengendalikan pesawat masuk ke dalam awan untuk melakukan penyemburan air ke dalam awan untuk proses pembenihan hujan.

Keyakinan menggunakan teknik itu berasas kepada sudah wujudnya pembuatan roket kecil di beberapa negara seperti Russia, Jepun dan India. Malah Russia sudah lama memperkenalkan teknik itu di negara mereka.

Wakil Perdagangan Russia Ke Malaysia, Romanov Anatoli mengesahkan beberapa syarikat Russia mempunyai kepakaran dalam bidang itu, bagaimanapun tidak menjelas lanjut nama syarikat terbabit.

(END)